

SOROTAN KAJIAN KEPIMPINAN INOVATIF TEMPATAN: SATU KAJIAN META-ANALISIS

***Norhisham Shamsudin**

Muhammad Faizal A. Ghani

Norfariza Mohd Radzi

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

**norhishamshamsudin@gmail.com*

ABSTRACT

Innovative leadership is a leader's ability to influence followers to create a creative, innovative, inspiring and collaborative spirit. Innovative leadership also refers to the leadership style that is required for being a successful leader to achieve an outstanding accomplishment. Therefore, this article is to discuss innovative leadership based on some previous studies. To collect the data, meta-analysis method was applied to examine four articles on innovative leadership in Malaysia from years 2012 to 2021, concerning the scopes of the research themes, methodology and findings. The research findings indicated that the research themes are to identify the effectiveness and features of innovative leadership, the relationship between innovative leadership and students' quality. The quantitative method dominated the researchers to collect data in large sample size. While the qualitative method is more on obtaining personal ideas about the best features of innovative leadership. The research finding also indicated that a relationship exists between innovative leadership and students' quality. The research implication is to share the previous research findings using the systematical method i.e. meta-analysis.

Keywords: Meta-Analysis, Innovative Leadership

PENGENALAN

Kejayaan sesebuah organisasi terletak pada kepimpinan pemimpin. Alasan tersebut kerana pemimpin adalah seorang individu yang berupaya membawa perubahan ke atas sesebuah organisasi. Ini selari dengan pandangan Muhammad Faizal A. Ghani dan Crow (2017), bahawa seseorang pemimpin berupaya membuat perubahan menerusi kuasa dan autoriti yang mereka miliki. Implikasinya, pemimpin tersebut berupaya mencipta inovasi dalam pelbagai bidang di organisasi yang mereka pimpin (Mohd Izham Mohd Hamzah et al., 2016).

Seterusnya, kajian berkaitan kepimpinan khususnya kepimpinan pemimpin sekolah telah banyak dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji lepas seperti (1) Kepimpinan Transformasional Guru Besar Dan Komitmen Guru Di Zon Nilai, Negeri Sembilan oleh Mohanan dan Azlin Norhaini Mansor (2021), (2) Kepimpinan Instruksional Pengetua Di Daerah Kuala Langat oleh Karupiah dan Aida Hanim A. Hamid (2020), (3) Kepimpinan Teknologi Guru Besar Sekolah Rendah Harian: Satu Kajian Rintis Di Kedah oleh Syamsul Abdul Hamid et. al (2021) dan (4) Kepimpinan Distributif Guru Besar Dan Komitmen Guru Di Sekolah Kebangsaan Di Daerah Gombak oleh Kuppan dan Ahmad Zabidi Abdul Razak (2021). Namun, berdasarkan kepada sorotan literatur, jumlah kajian yang berkaitan dengan kepimpinan inovatif ini, masih lagi di tahap yang rendah. Walaupun gaya kepimpinan ini sangat relevan dengan era moden yang penuh dengan cabaran dan perubahan, hanya segelintir pengkaji sahaja yang mengkaji berkaitan

dengan gaya kepimpinan inovatif. Ini disokong oleh Lokman Mohd Tahir (2015), di mana ia melaporkan bahawa pemimpin sekolah perlu mengamalkan kepimpinan inovatif dalam menangani cabaran dan perubahan di sekolah. Organisasi pendidikan seperti sekolah tidak dapat mencapai kecemerlangan pendidikan tanpa pemimpin yang berkemahiran bertindak balas terhadap perubahan secara kreatif dan inovatif terhadap apa jua perubahan semasa.

Tambahan kajian berkaitan dengan kepimpinan inovatif terhadap pemimpin sekolah di Malaysia juga kurang dikaji oleh pengkaji lepas. Kenyataan ini berasaskan kepada sorotan literatur oleh pengkaji-pengkaji lepas berkaitan dengan kepimpinan inovatif. Ini boleh dilihat dalam kajian Mohd Asyikin Daud (2011); dan Hafsa Abdul Aziz dan Kalsom Ali (2022). Kajian mereka memberi fokus bukan kepada pemimpin sekolah, tetapi pekerja di syarikat swasta. Kajian Mohd Asyikin Daud (2011) melihat sejauhmana pengaruh kepimpinan inovatif terhadap pembelajaran dan kesan tingkah laku inovasi pekerja manakala kajian Hafsa Abdul Aziz dan Kalsom Ali (2022) pula melihat kesan pengantaraan pemeraksanaan psikologi terhadap pengetahuan dan tingkah laku inovatif pekerja. Ini membuktikan kajian berkaitan dengan kepimpinan inovatif pemimpin sekolah ini masih lagi kurang dikaji. Menyedari tentang kepentingan kepimpinan inovatif ini, kajian meta-analisis ini dijalankan untuk menerokai beberapa kajian lepas mengenai kepimpinan inovatif tempatan.

OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan keperluan tersebut, kajian ini dijalankan untuk memenuhi objektif seperti berikut:

- (i) Mengetahui tema utama kajian berkaitan inovatif pemimpin tempatan,
- (ii) Mengetahui kaedah penyelidikan yang telah digunakan untuk menjalankan kepimpinan inovatif pemimpin tempatan, dan
- (iii) Menerokai dapatan utama daripada kajian mengenai kepimpinan inovatif pemimpin tempatan.

SOALAN KAJIAN

- (i) Apakah tema utama kajian berkaitan kepimpinan inovatif pemimpin tempatan?,
- (ii) Apakah kaedah penyelidikan yang telah digunakan untuk menjalankan kajian tentang kepimpinan inovatif pemimpin tempatan?, dan
- (iii) Apakah dapatan utama daripada kajian mengenai kepimpinan inovatif pemimpin tempatan?.

SOROTAN KAJIAN

Kepimpinan

Organisasi ialah sekumpulan orang yang bekerjasama untuk mencapai matlamat tertentu dalam persekitaran tertentu. Matlamat yang ingin dicapai menjadi lebih mudah sekiranya dipimpin oleh seorang pemimpin yang handal dalam kepimpinannya. Malah, untuk memastikan matlamat kerja tercapai dengan jayanya, pemimpin harus memupuk hubungan dalaman yang positif dengan pengikut mereka agar objektif organisasi dapat dicapai dengan berkesan (Dirkse Van Schalkwyk et al., 2013). Kepimpinan sebagai satu tindakan individu yang boleh mempengaruhi orang lain atau pengikut untuk bekerjasama bagi mencapai matlamat bersama (Northouse, 2021). Manakala Gliddon (2006) mendefinisikan kepimpinan sebagai satu proses yang berlaku dalam sesebuah kumpulan di mana seseorang boleh mempengaruhi orang lain dan membawa mereka ke arah mencapai objektif yang sama. Oleh itu, kepimpinan adalah merangkumi sebarang tindakan yang dilakukan oleh orang yang mampu membimbing sekumpulan orang ke matlamat yang sama, tanpa mengira jantina, status atau pangkat.

Kepimpinan Inovatif

Kejayaan sesebuah organisasi banyak bergantung kepada kepimpinan oleh pemimpin yang bersifat kreatif dan inovatif. Pemimpin yang kreatif dan inovatif sentiasa berpandangan jauh, mempunyai pemikiran terbuka; dan sedia mendengar pandangan orang lain. Mohd Asyikin Daud (2011) menyatakan kepimpinan inovatif merujuk kepada proses merangsang intelektual, motivasi melalui inspirasi dan menyelaraskan pengikut-pengikutnya ke aras pencapaian matlamat bersama.

Tambahan, Aragón-Correa et al. (2007) merujuk kepimpinan inovatif sebagai satu keupayaan pemimpin untuk berfikir secara kreatif dan proaktif dalam menambah baik prosedur, barangan dan perkhidmatan dalam organisasi yang dipimpin mereka. Kepimpinan inovatif juga berkait dengan sikap pemimpin itu sendiri. Kepimpinan inovatif akan menjadikan seseorang pemimpin untuk terus komited dan berwawasan dalam mempromosikan kesejahteraan sosial, politik dan ekonomi rakyat sekaligus menjadikan mereka seorang pemimpin yang berinovasi (Anand & Saraswati, 2014).

Seterusnya, Şen dan Eren (2012) merujuk kepimpinan inovatif sebagai pengenalan konsep, produk, perkhidmatan, metodologi, atau kaedah baharu untuk memenuhi permintaan orang ramai dan mencari jawapan kepada cabaran pada masa kini dan masa hadapan. Manakala, Horth dan Buchner (2014) mendefinisikan kepimpinan inovatif ini sebagai kaedah dan falsafah yang menggabungkan banyak falsafah kepimpinan untuk memujuk dan memberi inspirasi kepada kakitangan untuk menghasilkan idea, produk dan perkhidmatan yang inovatif. Justeru, setiap pemimpin perlu memiliki kepimpinan yang inovatif. Gaya kepimpinan yang inovatif ini harus diamalkan oleh semua pemimpin bagi memastikan sesebuah organisasi yang dipimpin itu berdaya saing dan mampu mencapai kejayaan yang cemerlang.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi penyelidikan merupakan strategi dan teknik untuk mereka bentuk, mengumpul dan menganalisis data untuk menjana bukti bagi menyokong sesuatu kajian. Kajian ini akan membincangkan dengan lebih jelas berkaitan dengan reka bentuk kajian, kriteria pemilihan subjek kajian, sumber maklumat dan strategi carian dan proses pemilihan subjek kajian.

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah kuantitatif jenis meta-analisis. Meta-analisis merujuk analisis kepada analisis. Ia membawa maksud analisis statistik terhadap sebuah koleksi besar hasil analisis daripada kajian lepas pengkaji-pengkaji lain untuk tujuan mengintegrasikan dapatan kajian. Istilah meta ini juga dikenali sebagai "meta-matematik," "metapsikologi," dan "meta-penilaian" (Glass, 1976). Selain itu, teknik pengiraan digunakan untuk menentukan tahap ukuran yang sesuai berdasarkan data berangka daripada artikel yang dihubungkan. Kajian ini menggunakan reka bentuk meta-analisis yang merupakan bentuk kajian sekunder dengan mengenal pasti, meneroka dan mentafsir semua kajian yang berkaitan berkaitan domain topik (Webster & Watson, 2002).

Kriteria Pemilihan Subjek Kajian

Sampel kajian ini merujuk kepada pemilihan artikel yang bersesuaian untuk dianalisis dalam kajian ini. Webster dan Watson (2002) menyatakan pengkaji perlu menentukan beberapa kriteria utama dalam pemilihan sesebuah artikel untuk dianalisis dalam kajian. Kriteria pemilihan artikel yang perlu dipertimbangkan adalah: (i) skop kajian berkaitan kepimpinan yang memberi fokus kepada kepimpinan inovatif pemimpin sekolah, (ii) terbuka kepada semua jenis pendekatan kajian, (iii) terbuka kepada semua jenis reka bentuk kajian, (iv) sampel kajian terdiri daripada pemimpin tempatan, (v) terhad kepada 2 bahasa utama sahaja iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, (vi) terhad kepada artikel/kajian kepimpinan yang diterbitkan dalam tahun 2013 - 2021 sahaja. Kriteria yang ditetapkan ini

akan memastikan kajian yang dijalankan mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Ini selari dengan Walker et al. (2008) iaitu kriteria pemilihan artikel yang sesuai merupakan komponen yang utama dalam kajian meta-analisis.

Sumber Maklumat dan Strategi Carian

Untuk mengecilkan skop kajian terdahulu mengenai kepimpinan inovatif pemimpin sekolah tempatan, beberapa pangkalan data telah dipilih iaitu (i) Scopus (<https://www.scopus.com>); (ii) Science Direct (<https://www.sciencedirect.com>) dan (iii) ResearchGate (<https://www.researchgate.net>). Ketiga-tiga pangkalan data ini dipilih kerana ia boleh meningkatkan peluang mencari literatur yang berkaitan. Enjin carian internet seperti *Google Scholar* dan *Google Search* juga digunakan sebagai pengkalan sokongan untuk mendapatkan carian yang lebih luas berkaitan topik kajian. Kata kunci seperti "*innovative leadership*" (dalam Bahasa Inggeris) dan "kepimpinan inovatif" digunakan untuk mencari artikel tersebut.

Proses Pemilihan Subjek Kajian

Selepas menetapkan kriteria pemilihan artikel, kajian yang menepati kriteria dinilai semula untuk memilih kajian yang memenuhi kriteria artikel yang selaras dengan objektif kajian. Dalam penyelidikan meta-analisis, adalah penting untuk menilai tahap kualiti kajian. Walker (2015) menyatakan kualiti dapatan kajian yang disediakan ditentukan oleh kriteria penyelidikan yang dipilih. Artikel yang tidak memenuhi kriteria adalah ditolak. Setelah dianalisis secara menyeluruh dengan menggunakan peringkat dan kaedah yang digariskan di atas, hanya empat artikel yang telah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Jadual 1 menunjukkan senarai artikel kajian berkaitan kepimpinan inovatif pemimpin tempatan yang telah dianalisis secara sistematik untuk menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan.

Jadual 1

Senarai Artikel Kajian Berkaitan Kepimpinan Inovatif Tempatan

Bil	Pengkaji (Tahun)	Jenis sampel	Saiz sampel	Pendekatan kajian	Jurnal / Prosiding
1.	Muhamad Nazib Hashim dan Azlin Norhaini Mansor (2019)	Pensyarah IPG Zon Tengah	248 pelajar IPG Zon Tengah	kuantitatif	Jurnal Penyelidikan Dedikasi

2.	Azam Othman dan Hamidon Abd Rahman (2013)	Pengetua Sekolah	6 pengetua sekolah	kualitatif	World Applied Sciences Journal
3.	Nurhairi Mohd Noor dan Mohamed Yusoff Mohd Nor (2019)	Guru Besar Sekolah Swasta	51 orang guru sekolah swasta	kuantitatif	e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan
4.	Nur Azuwa Choh, Rohaiza Rozali, Masfarizan Maslan, Mohamed Yusoff Mohd Nor dan Jamalul Lail Abdul Wahab (2020)	Guru Besar Sekolah Kebangsaan	67 orang guru Guru Pendidikan Khas	kuantitatif	Proceeding – Malaysia International Convention on Education Research & Management (MICER)

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama membincangkan ciri-ciri tema kajian berkaitan kepimpinan inovatif pemimpin tempatan. Bahagian ini menfokuskan kepada tema kajian berkaitan dengan kepimpinan inovatif pemimpin tempatan. Bahagian kedua pula membincangkan kaedah penyelidikan yang digunakan untuk menjalankan kajian berkaitan kepimpinan inovatif pemimpin tempatan. Bahagian ini menfokuskan kepada: (1) jenis dan reka bentuk kajian, (2) profil sampel kajian dan (3) instrumen yang telah digunakan untuk mengumpul data. Manakala, bahagian ketiga pula membincangkan dapatan utama daripada kajian berkaitan kepimpinan inovatif pemimpin tempatan.

Tema Utama Kajian Berkaitan Kepimpinan Inovatif Pemimpin Tempatan

Berdasarkan analisis kritikal yang telah dijalankan ke atas objektif dan persoalan kajian yang dikemukakan, didapati terdapat tiga tema utama, iaitu: (a) mengenal pasti tahap kepimpinan inovatif pemimpin tempatan, (b) menguji hubungan diantara tahap kepimpinan inovatif pemimpin tempatan dengan pembolehubah-pembolehubah lain dan (c) penjelasan mengenai faktor kepimpinan inovatif. Jadual 2 menunjukkan tema-tema yang telah dikenal pasti daripada kajian lepas.

Jadual 2*Tema Kajian Lepas Berkaitan Kepimpinan Inovatif Pemimpin Tempatan*

Tema Kajian	Kekerapan	Tahun Kajian
Mengenal pasti tahap kepimpinan inovatif pemimpin tempatan	3	*Muhamad Nazib Hashim dan Azlin Norhaini Mansor (2019); *Nurhairi Mohd Noor dan Mohamed Yusoff Mohd Nor (2019) dan *Nur Azuwa Choh et al. (2020)
Menguji hubungan antara tahap kepimpinan inovatif pemimpin tempatan dengan pembolehubah-pembolehubah lain	3	*Muhamad Nazib Hashim dan Azlin Norhaini Mansor (2019); *Nurhairi Mohd Noor dan Mohamed Yusoff Mohd Nor (2019) dan *Nur Azuwa Choh et al. (2020)
Penjelasan mengenai faktor kepimpinan inovatif	1	Azam Othman dan Hamidon Abd Rahman (2013)

Nota. *. Mempunyai lebih daripada dua tema kajian

Kaedah Yang Telah Digunakan Untuk Menjalankan Kajian Tentang Kepimpinan Inovatif Pemimpin Tempatan

Dapatan pertama berkaitan dengan reka bentuk dan pendekatan kajian. Setelah menganalisis kajian berkaitan kepimpinan inovatif pemimpin tempatan, didapati ianya menggunakan dua reka bentuk kajian utama iaitu kuantitatif dan kualitatif. Manakala dalam konteks pendekatan kajian pula, didapati ianya terdiri dalam bentuk kajian tinjauan dan kajian kes. Jadual 3 menunjukkan reka bentuk dan pendekatan kajian yang telah digunakan oleh pengkaji terdahulu berkaitan dengan kepimpinan inovatif pemimpin tempatan.

Jadual 3*Reka Bentuk dan Pendekatan Kajian Yang Digunakan*

Reka bentuk	Pendekatan	Kekerapan	Tahun Kajian
Kuantitatif	Tinjauan	3	*Muhamad Nazib Hashim dan Azlin Norhaini Mansor (2019); *Nurhairi Mohd Noor dan Mohamed Yusoff Mohd Nor (2019) dan *Nur Azuwa Choh et al. (2020)
		3	*Muhamad Nazib Hashim dan Azlin Norhaini Mansor (2019); *Nurhairi Mohd Noor dan Mohamed Yusoff Mohd Nor (2019) dan *Nur Azuwa Choh et al. (2020)
Kualitatif	Kajian Kes	1	Azam Othman dan Hamidon Abd Rahman (2013)

Nota. *. Mempunyai dua jenis reka bentuk kajian

Seterusnya dapatan kedua pula berkaitan dengan profil sampel kajian. Setelah menganalisis sampel kajian terdahulu yang berkaitan dengan kepimpinan inovatif pemimpin tempatan, didapati empat jenis sampel yang berlainan digunakan dalam kajian lepas iaitu: (i) pensyarah IPG, (ii) pengetua sekolah, (iii) guru besar sekolah swasta dan (iv) guru besar sekolah kebangsaan.

Jadual 4 menunjukkan maklumat berkaitan profil sampel kajian terdahulu berkaitan dengan kepimpinan inovatif pemimpin tempatan.

Jadual 4

Profil Sampel Kajian Yang Digunakan

Profil sampel	Jenis	kekerapan	Kajian (Tahun)
Pensyarah IPG	Institut Pendidikan Guru	1	Muhamad Nazib Hashim dan Azlin Norhaini Mansor (2019)
Pengetua sekolah	Sekolah Menengah	1	Azam Othman dan Hamidon Abd Rahman (2013)
Guru besar sekolah swasta	Sekolah Rendah	1	Nurhairi Mohd Noor dan Mohamed Yusoff Mohd Nor (2019)
Guru besar sekolah kerajaan	Sekolah Rendah	1	Nur Azuwa Choh et al. (2020)

Seterusnya dapatan kajian ketiga pula berkaitan dengan instrument yang digunakan untuk pengumpulan data. Kaedah pengumpulan data dalam kajian terdahulu dianalisis. Hasil daripada analisis yang dijalankan, terdapat dua kaedah yang telah digunakan oleh pengkaji lepas. Antara kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah (i) soal selidik dan (ii) temu bual. Jadual 5 menunjukkan dapatan berkaitan kaedah pengumpulan data yang digunakan.

Jadual 5

Instrumen Pengumpulan Data Yang Digunakan

Instrumen	Kekerapan	Kajian (Tahun)
Soal selidik	3	Muhamad Nazib Hashim dan Azlin Norhaini Mansor (2019); Nurhairi Mohd Noor dan Mohamed Yusoff Mohd Nor (2019) dan Nur Azuwa Choh et al. (2020)
Temu bual	1	Azam Othman dan Hamidon Abd Rahman (2013)

Dapatan Utama Daripada Kajian Mengenai Kepimpinan Inovatif Pemimpin Tempatan

Dapatan utama kajian berkaitan kepimpinan inovatif pemimpin tempatan berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 6.

Jadual 6

Dapatan Kajian Berkaitan Kepimpinan Inovatif Pemimpin Tempatan

Pengkaji (Tahun)	Objektif kajian	Dapatan kajian
------------------	-----------------	----------------

Muhamad Nazib Hashim dan Azlin Norhaini Mansor (2019)	Mengenal pasti tahap kepimpinan inovatif pensyarah di kampus IPG Zon Tengah	Secara keseluruhan hampir setiap elemen menunjukkan bahawa pensyarah sebagai satu kumpulan yang mempunyai tahap kepimpinan inovatif yang tinggi. Setiap elemen pembolehubah menghasilkan skor yang hampir sama. Jelaslah bahawa pelajar IPG sentiasa mempunyai hubungan yang positif dan terbuka dengan pensyarah mereka dan mereka menyedari betapa pensyarah tersebut sentiasa menunjukkan gaya kepimpinan yang inovatif semasa sesi pengajaran.
	Mengenal pasti hubungan antara tahap kepimpinan inovatif pensyarah dengan tahap kualiti pelajar di kampus IPG Zon Tengah.	Wujud hubungan korelasi yang tinggi atau kuat antara kepimpinan inovatif pensyarah dengan tahap kualiti pelajar di kampus IPG Zon Tengah
Azam Othman dan Hamidon Abd Rahman (2013)	Faktor yang mempengaruhi pengetua untuk menjadi inovatif.	Terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi inovasi, iaitu: ciri peribadi, pengurusan organisasi dan pengurusan perubahan. <ul style="list-style-type: none"> • ciri peribadi terdiri daripada persepsi, keberanian, pengalaman dan minat Pengetua • pandai mengurus sumber yang tersedia untuk mereka, serta sumber yang mereka peroleh • pandai menguruskan perubahan dalam diri mereka, guru dan pelajar, menggunakan kuasa mereka untuk mencipta perubahan dalam organisasi dan projek mereka dan menjadi sumber pengetahuan, dana dan motivasi untuk guru mereka
Nurhairi Mohd Noor dan Mohamed Yusoff Mohd Nor (2019)	Mengenal pasti tahap amalan kepimpinan inovatif guru besar sekolah rendah swasta di Negeri Sembilan.	Analisis deskriptif menunjukkan nilai skor min keseluruhan bagi tahap amalan kepimpinan inovatif guru besar adalah $M=4.22$ ($S.P=0.55187$). Analisis mendapati tahap amalan kepimpinan inovatif guru besar sekolah rendah swasta di Negeri Sembilan adalah berada pada tahap sangat tinggi.
	Menguji hubungan antara amalan kepimpinan inovatif guru besar	Hasil analisis kolerasi menunjukkan kolerasi yang positif antara tahap amalan kepimpinan inovatif guru besar dengan tahap komitmen guru sekolah rendah swasta iaitu ($r= .684$), $p<0.01$. Ini menunjukkan bahawa amalan kepimpinan

	dengan komitmen guru sekolah rendah swasta.	inovatif guru besar mempunyai hubungan yang kuat dan positif dengan komitmen guru sekolah rendah swasta.
Nur Azuwa Choh, Rohaiza Rozali, Masfarizan Maslan, Mohamed Yusoff Mohd Nor dan Jamalul Lail Abdul Wahab (2020)	Mengenal pasti tahap amalan kepimpinan inovatif guru besar; Menguji hubungan antara amalan kepimpinan inovatif guru besar dengan efikasi sendiri Guru Pendidikan Khas	Analisis Deskriptif menunjukkan skor min keseluruhan bagi tahap amalan Kepimpinan Inovatif guru besar adalah min =3.81 (S.P=0.808) iaitu berada pada tahap yang tinggi. Ujian Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara amalan kepimpinan inovatif guru besar dengan efikasi sendiri GPKhas iaitu pada tahap kuat (r=0.794, p <0.01). Hasil analisis korelasi menunjukkan korelasi positif antara amalan Kepimpinan Inovatif guru besar dengan efikasi sendiri GPKhas iaitu (r=0.794, p, p<0.01). Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa amalan Kepimpinan Inovatif guru besar mempunyai hubungan yang kuat dan positif dengan efikasi sendiri GPKhas.

PERBINCANGAN

Perbincangan kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu: (1) tema kajian berkaitan kepimpinan inovatif pemimpin tempatan, (2) kaedah penyelidikan yang digunakan untuk menjalankan kajian berkaitan kepimpinan inovatif pemimpin tempatan dan (3) dapatan utama kajian berkaitan dengan kepimpinan inovatif pemimpin tempatan.

Berdasarkan analisis yang dijalankan untuk mengenal pasti tema-tema kajian berkaitan kepimpinan inovatif pemimpin tempatan ini terbahagi kepada dua tema. Tema-tema yang sering dikaji oleh pengkaji-pengkaji terdahulu iaitu: (a) mengenal pasti tahap kepimpinan inovatif pemimpi tempatan dan (b) menguji hubungan di antara tahap kepimpinan inovatif pemimpin tempatan dengan pemboleh ubah - pemboleh ubah lain. Terdapat tiga kajian yang telah dijalankan di bawah tema berkenaan. Di antara pemboleh ubah – pemboleh ubah lain yang dikaitkan dengan kepimpinan inovatif adalah tahap kualiti pelajar di kampus IPG Zon Tengah (Muhamad Nazib Hashim dan Azlin Norhaini Mansor, 2019), komitmen guru sekolah rendah swasta (Nurhaini Mohd Noor Mohamed & Yusoff Mohd Nor, 2019) dan efikasi sendiri Guru Pendidikan Khas (Nur Azuwa Choh et al., 2020). Manakala bagi tema penjelasan mengenai faktor kepimpinan inovatif pula, didapati satu kajian yang tergolong dalam tema ini. Azam Othman dan Hamidon Abd Rahman (2013) di dalam kajian mereka membincangkan mengenai faktor yang mempengaruhi pengetua untuk menjadi inovatif.

Seterusnya, berdasarkan analisis yang dijalankan untuk mengenal pasti kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian ini, didapati dua jenis reka bentuk kajian kuantitatif yang menggunakan pendekatan kajian tinjauan telah digunakan dalam kajian oleh pengkaji-pengkaji lepas. Kajian tinjauan digunakan untuk mengenal pasti tahap kepimpinan pemimpin tempatan. Menurut Creswell et al. (2007), reka bentuk kajian tinjauan sesuai digunakan untuk mengenal pasti dan mengetahui pemboleh ubah yang sesuai dengan sesuatu situasi. Manakala kajian yang menggunakan reka bentuk kualitatif pula

menggunakan pendekatan kajian kes. Tessier dan Otley (2012) menyatakan kajian kes dapat membantu memastikan kajian yang dijalankan itu mudah untuk difahami dan ianya dapat menerangkan prosedur secara mendalam dan terperinci.

Seterusnya kajian berkaitan dengan kepimpinan inovatif pemimpin ini telah dijalankan dengan pelbagai kalangan pemimpin, namun bilangan kajian masih kurang dijalankan. Hanya satu kajian untuk setiap jenis pemimpin dikaji oleh pengkaji-pengkaji lepas. Ini membuktikan kajian kepimpinan inovatif ini masih lagi kurang dijalankan. Ini disokong oleh Hamid Torki et al. (2021) di mana beliau mengalami kesukaran untuk menyediakan pra-model atau beberapa andaian awal model kepimpinan inovatif beliau.

Selain itu, didapati kebanyakan kajian terdahulu yang mengkaji kepimpinan inovatif telah menggunakan instrumen soal selidik sebagai kaedah untuk pengumpulan data. Ketiga-tiga kajian tersebut menggunakan reka bentuk kajian kolerasi dan tinjauan. Manakala satu kajian sahaja yang menggunakan instrumen temu bual sebagai satu kaedah pengumpulan data berkaitan kepimpinan inovatif pemimpin tempatan.

Akhir sekali, dapatan utama kajian berkaitan kepimpinan inovatif pemimpin tempatan didapati ianya boleh dibahagikan kepada tiga tema utama. Pertama bagi tema mengenal pasti tahap kepimpinan inovatif pemimpin tempatan, kesemua kajian terdahulu menunjukkan tahap kepimpinan inovatif yang tinggi (Muhamad Nazib Hashim dan Azlin Norhaini Mansor, 2019; Nurhairi Mohd Noor dan Mohamed Yusoff Mohd Nor, 2019 dan Nur Azuwa Choh et al., 2020). Seterusnya untuk tema kedua iaitu menguji hubungan diantara tahap kepimpinan inovatif pemimpin tempatan dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah lain, didapati semua kajian daripada pengkaji-pengkaji terdahulu hubungan yang signifikan antara tahap kualiti pelajar di kampus IPG Zon Tengah (Muhamad Nazib Hashim dan Azlin Norhaini Mansor, 2019), komitmen guru sekolah rendah swasta (Nurhairi Mohd Noor dan Mohamed Yusoff Mohd Nor, 2019) dan efikasi sendiri Guru Pendidikan Khas (Nur Azuwa Choh et al., 2020). Akhir sekali, tema ketiga iaitu mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pengetua untuk menjadi inovatif. Azam Othman dan Hamidon Abd Rahman (2013) telah mengenal pasti terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi inovasi, iaitu: (i) ciri peribadi terdiri daripada persepsi, keberanian, (ii) pengalaman dan minat pengetua iaitu pandai mengurus sumber yang tersedia untuk mereka, serta sumber yang mereka peroleh, pengurusan organisasi dan (iii) pengurusan perubahan iaitu pandai menguruskan perubahan dalam diri mereka, guru dan pelajar, menggunakan kuasa mereka untuk mencipta perubahan dalam organisasi dan projek mereka dan menjadi sumber pengetahuan, dana dan motivasi untuk guru mereka.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian berkaitan kepimpinan inovatif pemimpin sekolah masih kurang dijalankan. Hamid Torki et al. (2021) menyokong kenyataan tersebut kerana beliau mengalami kesukaran untuk menyediakan pra-model atau beberapa andaian awal model kepimpinan inovatif beliau. Kepimpinan inovatif merupakan amalan kepimpinan alternatif untuk dilaksanakan bagi menggantikan kepimpinan kontemporari. Amalan kepimpinan yang inovatif membawa perubahan radikal dengan menggunakan konsep, pendekatan, strategi dan metodologi baharu untuk menangani isu semasa dan masa hadapan yang boleh dijangka (Sen & Eren, 2012). Cadangan kajian masa depan tentang kepimpinan inovatif ini juga dicadangkan menggunakan lebih banyak reka bentuk kualitatif untuk membezakan perspektif individu dari pelbagai latar belakang. Selain itu, kajian akan datang juga dicadangkan untuk membangunkan model kepimpinan inovatif berkonsepkan tempatan di Malaysia.

RUJUKAN

Anand, P., & Saraswati, A. K. (2014). Innovative Leadership: A paradigm in modern HR practices. *Global Journal of Finance and Management*, 6(6), 497-502.

- Aragón-Correa, J. A., García-Morales, V. J., & Cerdón-Pozo, E. (2007). Leadership and organizational learning's role on innovation and performance: Lessons from Spain. *Industrial marketing management*, 36(3), 349-359.
- Azam Othman, & Hamidon Abd Rahman. (2013). Innovative leadership: Learning from change management among Malaysian secondary school principals. *World Applied Sciences Journal*, 23(2), 167-177.
- Creswell, J. W., Hanson, W. E., Clark Plano, V. L., & Morales, A. (2007). Qualitative research designs: Selection and implementation. *The counseling psychologist*, 35(2), 236-264.
- Dirkse Van Schalkwyk, R., Davis, A., & Pellissier, R. (2013). The impact of leadership practices on service quality in private higher education in South Africa. *Journal of Contemporary Management*, 10(1), 223-238. <https://journals.co.za/doi/epdf/10.10520/EJC144104>
- Glass, G. V. (1976). Primary, secondary, and meta-analysis of research. *Educational researcher*, 5(10), 3-8.
- Gliddon, D. G. (2006). *Forecasting a competency model for innovation leaders using a modified Delphi technique*. The Pennsylvania State University.
- Hafsah Abdul Aziz, & Kalsom Ali. (2022). Kesan pengantaraan pemeraksanaan psikologi terhadap perkongsian pengetahuan dan tingkah laku inovatif pekerja. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 4(1), 23-30. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpg/article/view/17380/9115>
- Hamid Torki, Ali Nasr Esfahani, Mehdi Abzari, & Hadi Teimouri. (2021). Designing an innovative leadership model (case study: Saipa Automotive Group). *International Journal of Procurement Management*, 14(4), 531-546. <https://www.inderscienceonline.com/doi/abs/10.1504/IJPM.2021.116002>
- Horth, D., & Buchner, D. (2014). Innovation leadership: How to use innovation to lead effectively, work collaboratively, and drive results. *Center for Creative Leadership*, 18, 4221-4245.
- Karuppiah, S. M., & Aida Hanim A Hamid. (2020). Kepimpinan instruksional pengetua di daerah Kuala Langat. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 49-56.
- Kuppan, R., & Ahmad Zabidi Abdul Razak. (2021). Kepimpinan distributif guru besar dan komitmen guru di sekolah kebangsaan di daerah Gombak. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(4), 20-35.
- Lokman Mohd Tahir. (2015). Cabaran pendidikan abad ke 21: Amalan kepimpinan inovatif suatu penyelesaian. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia 2015,
- Mohanand, A., & Azlin Norhaini Mansor. (2021). Kertas kajian: kepimpinan transformasional guru besar dan komitmen guru di Zon Nilai, Negeri Sembilan. *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*. <https://www.icbe.my/wp-content/uploads/2021/11/3.pdf>
- Mohd Asyikin Daud. (2011). Pengaruh kepimpinan inovatif terhadap pembelajaran dan kesan kepada tingkah laku. *Universiti Teknologi Malaysia*. <http://eprints.utm.my/id/eprint/38446/1/MohdAsyikinDaudMFPPSM2011.pdf>
- Mohd Izham Mohd Hamzah, Fathiyah Mohd Kamaruzaman, & Wan Nor Fadriah Wan Idris. (2016). Kepimpinan berinovasi pentadbir dan hubungannya dengan integrasi teknologi guru. *Jurnal pengurusan dan kepimpinan pendidikan*, 30(2), 43-53.
- Muhamad Nazib Hashim, & Azlin Norhaini Mansor. (2019). Kepimpinan inovatif pensyarah dan hubungannya dengan pembentukan kualiti pelajar di institut pendidikan guru. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 16, 119-131. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jd/article/view/12366>
- Muhammad Faizal A. Ghani, & Crow, G. M. (2017). Amalan komuniti pembelajaran profesional: Perspektif pemimpin sekolah cemerlang negara maju. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 1(3), 10-27.
- Northouse, P. G. (2021). *Leadership: Theory and practice* (9th Edition ed.). SAGE publications.
- Nur Azuwa Choh, Rohaiza Rozali, Masfarizan Maslan, Mohamed Yusoff Mohd Nor, & Jamalul Lail Abdul Wahab. (2020). Amalan kepimpinan inovatif guru besar dan hubungannya dengan efikasi

- kendiri guru pendidikan khas. *Malaysia International Convention on Education Research & Management (MICER)*. https://www.researchgate.net/profile/Nur-Azuwa/publication/344809052_Bangi_Resort_Hotel/links/5f91763492851c14bcd7d76/Bangi-Resort-Hotel.pdf
- Nurhairi Mohd Noor, & Mohamed Yusoff Mohd Nor. (2019). Amalan kepimpinan inovatif guru besar dan hubungannya dengan komitmen guru sekolah rendah swasta di Negeri Sembilan. *E-Prociding Persidangan Antara Bangsa Sain Sosial Dan Kemanusiaan KUIS. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Sen, A., & Eren, E. (2012). Innovative leadership for the twenty-first century. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 41, 1-14.
- Syamsul Abdul Hamid, Aziah Ismail, & Rozniza Zaharudin. (2021). Kepimpinan teknologi guru besar sekolah rendah harian: satu kajian rintis di Kedah. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 8(3), 38-54.
- Tessier, S., & Otley, D. (2012). From management controls to the management of controls. *Accounting, Auditing & Accountability Journal*.
- Walker, A. (2015). *Project management in construction* (1st ed.). John Wiley & Sons.
- Walker, E., Hernandez, A. V., & Kattan, M. W. (2008). Meta-analysis: Its strengths and limitations. *Cleveland Clinic journal of medicine*, 75(6), 431.
- Webster, J., & Watson, R. T. (2002). Analyzing the past to prepare for the future: Writing a literature review. *MIS quarterly*, xiii-xxiii.